

D.R. 44/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG PEMBEKALAN AIR
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)
1997**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Undang-undang yang terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengenai perkara-perkara air.
4. Pemansuhan.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi undang-undang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Undang-undang yang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air dalam Negeri Selangor hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi dengan ubahsuaian yang perlu, mengikut kehendak konteks.

Undang-undang yang terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian yang perlu kepada mana-mana peruntukan undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1) bagi maksud menghapuskan kesulitan dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengenai perkara-perkara air.

3. (1) Pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pembekalan dan pembahagian air dalam Negeri Selangor hendaklah menjalankan, bagi pihak Kerajaan Persekutuan, kuasa dan fungsi di bawah undang-undang yang terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menghalang Kerajaan Persekutuan daripada menjalankan bagi pihaknya sendiri kuasa dan fungsi yang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air di bawah undang-undang yang terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pemansuhan.
N.M.B.
Bab 203.

4. (1) Enakmen Bekalan Air hendaklah terhenti terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

P.U. (A)
153/74.

(2) Perintah (Enakmen Bekalan Air) Wilayah Persekutuan 1974 adalah dibatalkan.

(3) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen Bekalan Air dan yang berkuatkuasa dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan, dipinda atau digantikan dengan perundangan subsidiari yang dibuat berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah undang-undang yang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

HURAIAN

Akta Bekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997 ("Akta") yang dicadangkan bertujuan mengadakan peruntukan bagi undang-undang yang akan dijadikan terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ("Wilayah Persekutuan") mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air sekiranya perkhidmatan pembekalan air diswastakan di Wilayah Persekutuan dan di Negeri Selangor.

2. *Fasal 1* bertujuan mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan mula berkuatkuasanya Akta.
3. *Fasal 2* bertujuan memperuntukkan bahawa undang-undang yang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air dalam Negeri Selangor hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan tetapi dengan ubahsuaian yang perlu.
4. *Fasal 3* bertujuan memperuntukkan bahawa pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pembekalan dan pembahagian air dalam Negeri Selangor hendaklah menjadi pihak berkuasa yang bertanggungjawab, bagi pihak Kerajaan Persekutuan, bagi perkara-perkara itu dalam Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, ini tidak menghalang Kerajaan Persekutuan daripada menjalankan bagi pihaknya sendiri kuasa dan fungsinya yang telah diberikan kepada pihak berkuasa dalam Negeri Selangor melalui Akta ini.
5. *Fasal 4* bertujuan memansuhkan undang-undang yang sedia ada di Wilayah Persekutuan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pembekalan air, iaitu Enakmen Bekalan Air (N.M.B. Bab 203). Ia juga bertujuan untuk membatalkan Perintah (Enakmen Bekalan Air) Wilayah Persekutuan 1974 yang di bawahnya fungsi membekalkan dan membahagi-bahagikan air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilaksanakan oleh pihak berkuasa di Negeri Selangor.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1998.]